



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA**

**NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA (No. Sebut Harga : KPKT/JPSPN/BPF/SH/ATA/1/2026)**

1. Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan serta masih sah berkuatkuasa untuk membuat tawaran bagi kerja berikut:

<b>PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>TARAF / JENIS SYARIKAT *</b>	<b>KELAYAKAN</b>	<b>TAKLIMAT &amp; LAWATAN TAPAK</b>	<b>TEMPAT, TARIKH &amp; WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP</b>
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara  Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	<b>SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN SECARA JUALAN SISA BAGI KOMPONEN-KOMPONEN DI LOJI INSINERATOR CAMERON HIGHLANDS, PAHANG DARUL MAKMUR</b>	<b>Terbuka</b>  <b>Tempoh Sah Laku Tawaran 90 hari</b>	<b>Berdaftar dengan :</b>  Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang <b>221902</b> (Membeli Barang Lusuh Dan Perlu Permit PDRM)	<b>Tarikh:</b> <b>18 Mei 2026</b> <b>(Isnin)</b>  <b>Masa:</b> <b>3.00 petang</b>  <b>Tempat berkumpul:</b> <b>Loji Insinerator Cameron Highlands, Pahang</b>  <b>(KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)</b>	<b>Bahagian Pengurusan Fasiliti Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana , Presint 4, 62100 Putrajaya</b>  <b>Tarikh Tutup:</b> <b>5 Jun 2026</b> <b>(Jumaat)</b>  <b>Masa :</b> <b>12.00 tengah hari</b>

2. Dokumen sebut harga akan diberikan secara PERCUMA dan hanya akan dikeluarkan kepada petender yang menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak.
3. Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan. Hanya penama dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat atau wakil syarikat yang mempunyai Surat Perwakilan Kuasa yang sah dibenarkan menghadiri sesi tersebut dan mengambil dokumen sebut harga.
4. Petender hendaklah mengemukakan Sijil Pendaftaran asal Kementerian Kewangan Malaysia untuk semakan serta satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat semasa pendaftaran. Sila bawa bersama cop syarikat semasa pendaftaran.
5. Dokumen sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas tarikh tutup tender.
6. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga terendah atau tertinggi atau mana-mana sebut harga.
8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dan dimeterai (berlakri), ditandakan dengan tajuk dan nombor tender, dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran selewat-lewatnya 5 Jun 2026 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari di alamat:

**BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI  
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA  
ARAS 23, NO.51, PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4, 62100 PUTRAJAYA**

9. Sebut harga yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam dokumen sebut harga boleh ditolak.